



MENTERI SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

PERKESO BERJAYA KAWAL SERANGAN SIBER

Kementerian Sumber Manusia (KSM) mengambil serius insiden serangan siber dan ketirisan data pencarum Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Serangan siber oleh pihak tidak bertanggungjawab itu berjaya dikawal oleh PERKESO.

Saya ingin menegaskan serangan ini tidak menjejaskan kebajikan pencarum PERKESO kerana data yang bocor merupakan data yang telah luput. Malah saya akan terus memastikan tiada pihak yang akan terjejas dengan insiden ini.

KSM memberi jaminan, kepentingan negara dan hak rakyat akan terus dipelihara. Kementerian juga akan melipatgandakan tindakan mitigasi, dengan mendapatkan kerjasama agensi serta pihak berkuasa daripada kementerian berkaitan.

YB TUAN V. SIVAKUMAR
MENTERI SUMBER MANUSIA
KUALA LUMPUR
8 DISEMBER 2023